

Ucapan : ASDHO
574
193/80

①

Deraf Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran,
Datuk Hussein Onn, bagi Pembukaan Sekolah
Rendah Paya Bemban, Kota Bharu, Kelantan,
pada 5hb. April, 1973.

~~Tuan-Tuan dan Puan-Puan,~~

Hari ini kita sekalian berkumpul ~~di sini~~
kerana upacara istimewa sekolah ini, iaitu meresmikan
beberapa bangunan baharu yang telah siap ~~beberapa~~^{Pada}
~~bulan yang sudah~~^{Masa ini.}. Saya berasa terharu juga melihat
begini ramai penyokong-penyokong sekolah ini turut
hazir bersama untuk mendengar berita-berita lanjut
mengenai sekolah ini. Ini adalah membuktikan minat
penduduk-penduduk di ~~sekitar~~ sini terhadap pelajaran
anak-anak mereka. ^{Kita} Tentulah tidak akan berjaya benar
jika ~~kita~~ hanya menyerahkan untung nasib anak-anak
kita kepada kerajaan semata-mata. Peranan ibu bapa
dalam proses pendidekan tidak boleh dipikul oleh
sekolah-sekolah. Kanak-kanak memerlukan kaseh sayang
dan galakan daripada ibubapa dan sekolah pula membuka
peluang dan memberi bimbingan dalam lapangan
pelajaran. Jelaslah tugas-tugas dan tanggungjawab
sekolah dan ibubapa itu adalah berlainan tetapi kedua-
duanya penting untuk perkembangan jiwa yang subur
bagi kanak-kanak yang sedang membesar itu.

2

~~Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,~~

Tenggelam timbulnya kita sekalian pada

X masa hadapan ini amatlah bergantung kepada pelajaran anak-anak kita dalam bidang Sains dan Teknologi. Kanak-kanak kita sememangnya mampu menghadapi cabaran-cabaran ini, asalkan peluang-peluang dan galakan-galakan daripada ibubapa serta lain-lain pihak itu sentiasa diberi dengan penuh minat.

12
3

Saya menyeru dengan sepenuh tenaga, supaya kita bersamalah bantu merintis jalan untuk kanak-kanak kita mendapatkan pelajaranⁱⁿⁱ yang betul-betul mampu untuk membantu mereka dalam perjuangan hidup yang makin menjadi bertambah hebat pada masa-masa hadapan. Zaman berkhayal-khayal dengan sentimen-sentimen kosong dan emosi yang buta tuli sudah tidak ada lagi tempatnya. Bantulah segala usaha kerajaan menggembelingkan tenaga ke arah kemajuan pelajaran.

4

Tuan-tuan dan puan-puan patut diberitahu bahawa kanak-kanak sekolah sedang diajar pelajaran Sains dan Ilmu Hisab cara yang ^{baharu} ~~ter~~ baharu sekali, ~~di-~~ ~~ketahui oleh manusia~~. Inilah yang dikatakan Sains Perpaduan dan Hisab Moden. Tidak berapa banyak negara-negara lain telah memulakan cara-cara baharu pelajaran Sains dan Hisab ini kerana kekurangan guru-guru. Tetapi kita berazam kuat untuk mencapai kemajuan dengan secepat mungkin. Oleh itulah kita telah mengeluarkan belanja yang amat besar untuk melateh semula guru-guru Hisab dan Sains ^{supaya boleh} ~~untuk~~ mengajar anak-anak kita. Di Maktab-Maktab Perguruan, sukatan-sukatan pelajaran yang baharu jua telah digubarkan supaya guru-guru, termasuk guru-guru agama, dilengkapkan dengan pengetahuan yang sejajar dengan ~~matlamat negara untuk memasoki zaman teknologi, perubahan, dan kehendak,~~ ~~tambahan sekolah.~~ ~~Curva,~~ agama, selain dpd mengajar pelajaran agama, akan juga disediakan supaya boleh mengajar Bahasa Malaysia, ketahanan jasmani, dan ~~boleh~~ mengambil bahagian dalam rancangan ~~kegiatan,~~ ~~luas~~ akademik.

5 Dalam bandar, ada ramai orang-orang yang tahu ~~menahu~~ mengenai pelajaran. Mereka menaruh minat yang sungguh aktif mengenai kemajuan pelajaran kanak-kanak mereka. Ini adalah satu-satunya sebab yang menentukan kemajuan sekolah-sekolah dalam bandar. Tetapi biasanya, orang-orang ~~aman~~ di kawasan luar bandar adalah lebih senang hati membiarkan ^{apa jua} ~~segala-galanya~~ yang berlaku di sekolah dan tidak tahu dan mungkin tidak berani hendak mengambil tahu hal-hal sekolah. Sikap yang pasif begini tentulah tidak mendorong kemajuan untuk satu-satu sekolah itu. Inilah sebabnya Kementerian Pelajaran telah menggubarkan ^{peraturan} ~~undang-undang~~ supaya ^{tiap} semua sekolah-sekolah menubuhkan Persatuan-Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru. ^{undang} ~~Undang~~ ini akan diumumkan tidak berapa lama lagi dan adalah diramalkan bahawa semua sekolah akan menubuhkan ~~Per-~~ ^{Persatuan tersebut} ~~satuan-Persatuan~~ Ibubapa dan Guru-Gurunya, sebelum akhir tahun ini. ^{Peraturan} ~~Peraturan~~ baharu ini akan merapatkan ibubapa dengan sekolah-sekolah dan seterusnya akan menimbulkan minat yang aktif terhadap kemajuan sekolah itu.

6


Masalah guru terlatih adalah perkara besar yang sedang Kementerian ini hadapi. Untuk mengatasi masalah pertambahan murid-murid yang begitu pesat tiap-tiap tahun di sekolah-sekolah rendah dan menengah, Kementerian Pelajaran telah merancangkan latihan perguruan dengan berlipat gandakan lagi. Sekolah-sekolah menengah di negara ini, mengalami kekurangan guru-guru terutama sekali dalam bidang ilmu-ilmu khas seperti Sains, Ilmu Hisab, Ilmu Perusahaan dan Ilmu Tadbir Rumah Tangga. Kementerian ^{Pelajaran} sedang atasi hal ini dengan berbagai-bagai cara hinggan terpaksa mengambil guru-guru dari Indonesia dan Britain. *negara-negara yang lain.*

7. Untuk menentukan pemberian guru-guru ke seluruh negara secara yang lebih adil, Kementerian saya sedang melengkapkan persediaan suatu sistem pertukaran yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Saya harap, dengan sistem ini, proses penukaran guru-guru juga akan dapat dilaksanakan dengan lebih pantas. Walau macam mana pun, ~~kita~~ semua patutlah insaf jika Kerajaan lebih mengutamakan keperluan sekolah-sekolah dahulu sebelum menimbangkan keperluan seorang individu itu. Setiap permohonan pertukaran itu perlu dikaji dari beberapa segi dan diberi pertimbangan yang menasabah sebelum ~~sesuatu pertukaran~~ dilakukan. Mengikut pengetahuan saya, pertukaran yang dilakukan dalam Negeri Kelantan ini adalah dikaji dengan khususnya sebelum ^{langkah diambil} ~~sesuatu pertukaran~~ dibuat, terutama sekali mengenai ~~pertukaran-pertukaran~~ ke Ulu Kelantan.

8

Mengenai rayuan Pengerusi Jemaah Pengurus tadi, ~~saya akan mengarahkan~~ Jabatan Pelajaran Kelantan ^{akan} supaya mengka jinya. ~~dengan penuh teliti~~. Dalam usaha perlaksanaan semua rancangan-rancangan kita, perlu benar kita aturkan betul-betul susunan tindakan semua supaya matlamat kebangsaan pada keseluruhannya tidak terbengkalai. Oleh itu saya harap kita semua tidak akan terburu-buru membuat desakan mengenai pembangunan Sekolah.

~~Akhiri sekali, inilah~~ saya dengan ^{subahitanya} ~~gembiranya~~ meresmikan pembukaan bangunan baharu Sekolah Kebangsaan Paya Bemban.





Mengenal tyuan Pengerusi Jemaah Pengerusi
 tadi, saya akan menandatangani Jabatan Pelejaran Kelantan
 supaya mengkatinya dengan penuh teliti. Dalam usaha
 perlaksanaan semua rancangan-rancangan kita, perlu
 benar kita aturkan betul-betul susunan tindakan semua
 supaya matlamat kebangsaan pada keseluruhannya tidak
 terbengkalai. Oleh itu saya harap kita semua tidak
 terburu-buru membuat desakan mengenai pembangunan
 Sekolah
 3
 tidak sekuat ini, ini sah saja dengan kemampuannya
 meresmikan pembukaan bangunan baharu Sekolah Kebangsaan
 Pava Paman.



No Siri	538
No Penerimaan	183/80